

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

RGE 453 - Kontrak dan Undang-Undang Bangunan

Tarikh: 27 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA soalan dari tiap-tiap Bahagian A dan B.

Gunakan Buku Jawapan yang BERASINGAN bagi setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

Jawab DUA soalan sahaja.

1. (a) Pada akhir abad ke 19, bandar Kuala Lumpur telah disusun semula ke dalam bentuk 'suku' (quarter)

(i) Mengapakah tindakan itu diambil dan apakah suku-suku tersebut?

(ii) Apakah tujuan dan keistimewaan kepada perancangan dan pembangunan?

(7 markah)

(b) Di dalam konteks undang-undang Alam Bina Malaysia, huraikan istilah berikut:

- (i) Bangunan
- (ii) Rumah
- (iii) Pembangunan/Pemajuan
- (iv) Jalan

(12 markah)

(c) Secara am, huraikan perkataan-perkataan berikut:

- (i) "Ultra Vires"
- (ii) Undang-Undang Tambahan
- (iii) Akta

(6 markah)

2. (a) Huraikan strategi-strategi (device) yang masyarakat boleh gunakan untuk mengawal industri alam bina.

(10 markah)

(b) Di dalam Sistem Kawalan Alam Bina Malaysia kini:

- (i) Apakah empat undang-undang induk yang mustahak? Di bawah sub-bahagian manakah undang-undang tersebut boleh diagihkan?
- (ii) Secara ringkas, terangkan ciri-ciri utama untuk setiap undang-undang induk tersebut di (i) dan tunjukkan bagaimana keperluan asas masyarakat boleh dipenuhi melaluinya.

(15 markah)

3. (a) Mengapakah Undang-undang Kecil Seragam Bangunan (UKSB) diperkenalkan dan daripada sumber manakah ia mendapat kuasanya?

(5 markah)

- (b) Apakah maksud perkataan "Seragam" pada gelaran UKSB dan apakah implikasinya?

(5 markah)

- (c) Secara ringkas, terangkan bahagian demi bahagian. bagaimanakah UKSB cuba melindungi keperluan-keperluan asas masyarakat kita?

(15 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan sahaja. Soalan EMPAT adalah diwajibkan.
(Semua jawapan mestilah berpandukan kepada borang Seragam Kontrak oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia)

4. Apakah implikasi selepas Pegawai Penguasa Kontrak memberi atau mengeluarkan perkara-perkara berikut?

- 4.1 Arahan-arahan di luar kontrak asal,
- 4.2 Sijil bayaran kemajuan kerja.
- 4.3 Arahan membuka kerja untuk pemeriksaan.
- 4.4 Sijil tamat kerja.
- 4.5 Sijil terakhir (Final certificate)

(25 markah)

5. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan berikut?

- 5.1 Pembekal dinamakan.
- 5.2 Kos Prima dan Kos Provisional.
- 5.3 Kelewatan dan penambahan masa kontrak.
- 5.4 Kecacatan selepas tamat kerja kontrak.
- 5.5 Penamatan kontrak oleh majikan.

(25 markah)

6. Di bawah klausa penimbangtaraan (arbitration) apakah yang dimaksudkan dengan perkara-perkara berikut?

- 6.1 Perlantikan Penimbangtaraan (arbitration)
- 6.2 Kos penimbangtaraan (arbitration cost)
- 6.3 Kuasa penimbangtara.
- 6.4 Akta Timbangtara, 1957.
- 6.5 Anugerah timbangtara (arbitrator's award) adalah mutakhir.

(25 markah)